

23/08/2003

Anugerah Dr Siti Hasmah iktiraf wanita contoh

Rasheffa Abdul Rashid

WANITA negara ini akan mempunyai satu lagi galakan dan penghargaan baru bagi khidmat baktinya. Ini akan dilaksanakan melalui Anugerah Dr Siti Hasmah (ADSH).

Bakal penerima ADSH yang julung kali anjuran Institut Pengurusan Wanita (WIM) nanti akan menjadi wanita ulung yang akan menjadi semangat merangsang untuk berbakti dan menghemahkan kepada wanita lain. Tidaklah hairan kerana tema anugerah itu "inspires, empowers and enlightens".

Penerima ADSH akan dipilih berdasarkan kejayaan seorang wanita dalam mengharungi pelbagai kesusahan dan kepayahan sebelum berjaya dalam hidup.

Pengerusi WIM, Datuk Napsiah Omar, berkata calon itu mestilah seorang yang menjadi contoh dan ikutan, serta menjadi sumber inspirasi kepada wanita lain melalui ketauladanan yang positif, dorongan, kesungguhan, cerdik pandai, penyayang, efisien dan mempunyai ciri-ciri kepemimpinan.

"Semua ini dapat dilihat dengan jelas daripada keperibadian Datuk Seri Dr Siti Hasmah Mohamed Ali, isteri Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, yang juga Anggota Kehormat Seumur Hidup WIM.

"Pencalonan adalah terbuka kepada setiap wanita di Malaysia. Calon ini mungkin seorang doktor, seorang guru, seorang ibu atau sesiapa saja sudah banyak menyumbang kepada masyarakat tetapi belum diketengahkan," katanya pada sidang akhbar di Wisma WIM, Petaling Jaya, baru-baru ini..

WIM, badan yang tidak berasaskan keuntungan, ditubuhkan pada 1993 dengan menumpukan ke arah kecemerlangan wanita dalam semua bidang, menjemput orang ramai untuk mencalonkan wanita Malaysia yang membantu membangunkan diri mereka dan juga masyarakat.

Napsiah berkata, calon itu perlu seorang yang bersungguh-sungguh mengharungi halangan dan kesukaran demi mencapai kejayaan dalam bidang yang dipilihnya selain menjadi sumber inspirasi serta contoh kepada masyarakat.

Pengerusi Projek ADSH, Puan Sri Siew Yong Gnanalingam, ketika dihubungi Berita Harian berkata, calon mestilah mempunyai ciri yang bertepatan dengan tema yang menjurus kepada inspirasi wanita untuk mendorong, memperkasa dan memberi pengetahuan kepada wanita lain bagi memajukan diri.

"Setiap perkataan yang kami pilih mewakili ciri sebenar yang kami cari dalam wanita yang bakal memenangi anugerah itu," katanya.

Beliau menjelaskan inspires atau inspirasi bermaksud seseorang yang berjaya mendepani segala kesukaran hidup.

Empowers pula bermaksud, wanita yang berjaya memecah tembok diskriminasi, manakala enlightens di sini dimaksudkan sebagai memperoleh kepuasan kerana sedia membantu orang lain.

Orang ramai boleh mendapatkan borang pencalonan melalui sekretariat WIM di Wisma WIM, 7, Jalan Abang Haji Openg, Taman Tun Dr Ismail, Petaling Jaya atau boleh dimuat turun daripada laman web www.wimnet.org.my. Borang pencalonan juga boleh didapati daripada penaja utama, iaitu Southern Bank Berhad, Ford dan Langkawi Crystal, serta penaja bersama Habib Jewels, Kensapothecary dan majalah wanita bulanan, Jelita dan Her World keluaran Oktober dan November depan.

Pencalonan ditutup pada 15 November dan pemenangnya akan menerima anugerah itu Januari tahun depan daripada Dr Siti Hasmah pada majlis makan malam institut berkenaan.

"Pemenang akan menerima wang RM20,000 yang perlu didermakan semula kepada WIM bagi membiayai sebuah projek WIM untuk wanita kurang bernasib

baik yang akan dipilih dan projek itu dinamakan sempena nama pemenang itu," kata Siew Yong.

Beliau berkata, pemenang itu turut berpeluang menggunakan kenderaan pacuan empat roda Ford Escape selama setahun percuma, trofi anugerah daripada Langkawi Crystal, barang kemas, jam dan beberapa hadiah lain.